

CAMAR TOPI HITAM
Black-naped Tern

FAMILI: Laridae
NAMA SAINTIFIK: *Sterna sumatrana*



CIRI-CIRI

Secara keseluruhannya, spesies ini mempunyai bulu yang berwarna putih kecuali bahagian atas badan dan sayap yang berwarna kelabu dengan kaki dan paruh yang berwarna hitam. Ciri yang boleh digunakan untuk membezakannya dengan spesies camar yang lain ialah bahagian atas kepala yang berwarna putih dengan garisan hitam halus yang bermula dari mata dan bercantum di belakang kepala. Panjang keseluruhan spesies ini boleh mencapai antara 30 sm-35 sm.

MAKANAN

Ia menjadikan ikan sebagai diet utama.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di laut, persisiran pantai dan pulau-pulau kecil.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *chit-chit-chit-er* yang bernada tinggi terutamanya sewaktu terbang.

PEMBIAKAN

Semasa musim pembiakannya iaitu di antara bulan Mei hingga September, individu betina boleh menghasilkan antara 1-3 biji telur yang berwarna kelabu atau kuning pucat dengan tompok-tompok gelap. Sarangnya dibina di atas tanah atau di atas batu.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.

